

# Banjir tak halang berkhatan

**P**ORT DICKSON: Kejadian banjir besar melanda Kampung Jimah Lama, dekat sini, baru-baru ini tidak menghalang Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) menganjurkan majlis berkhatan beramai-ramai disertai 18 peserta berusia tujuh hingga 11 tahun.

Majlis diadakan di Balai raya Kampung Jimah, kelmarin dan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bagan Pinang merangkap Ketua Umno Bahagian Telok Kemang, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Acara dimulai dengan perarakan peserta dari masjid menuju balairaya, diiringi paluan kompang sebelum mereka dimandikan beramai-ramai dengan disiram menggunakan air daripada pili bomba.



**SIMBOLIK...kanak-kanak disiram dengan air pili bomba sebelum majlis berkhatan.**

Peserta, Muhammad Iskandar Hafiz, 7, berkata, walaupun takut, atas nasihat bapanya dia bersetuju dikhatankan.

“Saya rasa amat takut, tapi ayah kata kalau nak cepat besar, kena bersunat,” katanya.

Bagi Muhammad Azam Othman, 11, pula, perasaan gementar lenyap apabila me-

lihat ramai rakannya turut serta berkhatan.

Sementara itu, Pengerusi JKKK, Mohd Shafie Alwi berkata, majlis tetap diteruskan biarpun kampung itu baru dilanda banjir besar yang mengakibatkan 15 keluarga terpaksa dipindahkan.

“Kami berterima kasih kepada kerajaan yang banyak

menyumbang kepada kemajuan kampung ini seperti bantuan untuk masjid sebanyak RM180,000, baru-baru ini.

“Kami berharap jalan di kampung ini dibesarkan untuk kemudahan penduduk, apatah lagi kini semakin banyak kenderaan menggunakan jalan di sini,” katanya.